

"Kita terlupa kanak-kanak"



KUALA LUMPUR - Dalam kehairanan berpolitik, banyak pihak terlupa ada kanak-kanak memerhati dan mungkin mengikut tingkah laku tidak baik orang dewasa.

Pakar Psikologi Kanak-kanak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dr Mastura Badzis berkata, kealpaan ini menyebabkan orang dewasa memberi contoh tidak baik mengenai politik yang dibimbangi menyebabkan kanak-kanak membuat keputusan berdasarkan emosi.

"Kita tak boleh ajar mereka supaya bergaduh dan benci sesuatu tanpa memberi ruang kepada mereka berfikir sendiri. Ibu bapa perlu faham proses induktansi ini akan dibawa sehingga mereka dewasa," katanya.

Menurut Mastura, kanak-kanak suka bertanya apa dilihat, tetapi ibu bapa atau guru perlu memberi jawapan jujur tanpa memasukkan elemen negatif.

"Jawab ikut tahap pemikiran kanak-kanak. Mereka perlu diajar mendengar pandangan orang lain dan jika berbeza pandangan pun, perlu diingatkan ada akhlak untuk menyuarakan rasa tidak setuju itu," katanya.

Ditanya mengenai keburukan



MASTURA

mendedahkan kanak-kanak kepada politik, Mastura berkata, agak sukar untuk kanak-kanak benar-benar memahami politik kerana ia adalah satu konsep yang bersifat abstrak.

"Kita boleh terangkan mengenai politik kepada mereka, tetapi pemahaman mungkin berbeza.

"Tetapi pada masa sama, ciri baik politik seperti kepimpinan, kemahiran komunikasi, pergaulan, kenegaraan adalah antara kesan baik yang boleh diperoleh anak-anak jika didedahkan kepada politik secara betul," katanya.

Mastura berkata, jika ibu bapa ingin bercakap mengenai politik de-

ngan anak-anak, apa perlu ditekankan adalah sifat baik seperti menghormati kepelbagaian pendapat, serta menerima kekurangan dan kelebihan seseorang tanpa prejudis.

Mengambil contoh negara maju, Mastura berkata, kanak-kanak di sana dilatih berpolitik untuk mempertahankan hak dan diberi peluang membuat keputusan penting.

"Ini membentuk keberanian kanak-kanak untuk sukarakan pandangan mereka dan pendidikan politik yang baik juga menjadikan mereka lebih prihatin dengan nasib orang lain.

"Kita rasa kelakar, tetapi di Britain, kanak-kanak berumur lapan hingga 15 tahun pernah diberi peluang kemuka pandangan dalam membuat dasar untuk kanak-kanak. Ini terbukti dengan penglibatan kanak-kanak dan remaja dalam Office of the Children's Rights Commissionaire for London (OCRCL) pada 2000," jelasnya.


Menurut Mastura, program seperti Mini Parlimen Kanak-Kanak Malaysia yang pernah dibuat pada 1980-an di negara ini perlu diadakan semula kerana ia baik untuk perkembangan minda anak-anak.

Ditanya mengenai umur sesuai

ONLINE
SINAR HARIAN

KEPUTUSAN BANCIAN

Pendapat anda, umur sesuai untuk dedahkan anak-anak kepada politik:



Jumlah Undian: 6,475

untuk didedahkan kepada politik, Mastura berkata, tiada jawapan jelas bagi soalan itu.

"Semuanya bergantung kepada cara didikan ibu bapa. Ada kanak-kanak berumur tiga tahun sudah bijak dan tahu penggubalan dasar, tapi ada juga walaupun berumur 17 tahun, mungkin pemikiran belum matang.

"Apa yang penting ibu bapa perlu merangsang kemahiran berfikir anak-anak dan tidak berat sebelah dalam memberi pandangan apabila disoal anak mengenai politik," katanya.

Mastura menasihatkan ibu bapa menjadi role model baik kerana kanak-kanak belajar daripada pemerhatian.

"Pendidikan politik boleh diterapkan kepada anak, tetapi perlu pendekatan sesuai, contohnya melalui kisah teladan kepimpinan yang baik.

"Jangan dedahkan anak-anak kepada perkara negatif, contohnya mencetak atau menyiarkan gambar serta perkataan tidak elok di akhbar dan berita, atau membawa anak ke tempat-tempat sesak bagi berhimpun, kononnya untuk mengajar anak berpolitik.

"Ini cara yang salah. Sebenarnya banyak perkara, terutama dari aspek pembentukan minda kanak-kanak perlu diambil kira sebelum mereka boleh didedahkan kepada politik," tegas beliau.

CERITA ORANG POLITIK... CER CITER...



Suka tengok orang berkempen
Datuk Dr Wee Ka Siong, Ketua Pemuda MCA

"SAYA mula kenal politik semasa umur 10 tahun. Apa yang buat saya minat politik adalah kerana suatu ketika dulu, saya suka tengok pelbagai reaksi dan ragam penyokong parti berkempen untuk meraih undi semasa pilihan raya umum melalui televisyen hitam putih di rumah.

Disebabkan terlalu meminati politik, cita-cita saya waktu itu menjadi seorang ahli politik yang disegani masyarakat.

"Selepas berjaya menamatkan pelajaran dalam bidang Kejuruteraan Awam di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada usia 24 tahun, saya mula melibatkan diri dalam bidang politik pada 1992 dengan menyertai MCA.

"Cita-cita saya akhirnya tercapai juga untuk menjadi seorang ahli politik dan harap saya dapat membawa transformasi lebih berkesan ke arah negara makmur dengan cara yang betul.

"Tapi biasanya, bila dah jadi wakil rakyat, masa bersama keluarga terpaksa dikorbankan untuk membantu dan menangani masalah rakyat."



Ambil tahu politik selepas 13 Mei
Datuk Saifudin Abdullah, Ahli Majlis Tertinggi Umno

"SAYA mula didedahkan politik semasa berumur 10 tahun oleh arwah ayah saya selepas peristiwa 13 Mei 1969. Beliau tidak bercakap kepada saya secara khusus tentang politik, tetapi beliau galakkan saya baca surat-khabar dan dengar berita radio tentang perkembangan politik dan isu semasa kerana masa itu rumah kami belum ada televisyen.

"Arwah ayah juga akan beli surat-khabar tertentu setiap hari dan menerangkan mengapa surat-khabar itu menjadi pilihannya.

"Beliau jugaperkenal nama pemimpin politik dan galakkan saya menyertai pidato dan debat.

"Masa kecil dulu saya faham politik itu bukan soal kerajaan, tapi soal perjuangan dan kepimpinan. Saya juga faham saya perlu libatkan diri dalam aktiviti ada kaitan dengan politik.

"Semasa berumur 24 tahun, saya mula mendaftarkan diri sebagai ahli Umno dan mula aktif dalam parti pada usia lebih 40 tahun.

"Bila dah jadi orang politik, saya ingin berjuang politik baru untuk wujudkan budaya politik dan demokrasi lebih sihat dan matang. Saya juga nak bantu Umno menjadi parti yang lebih dinamik dan progresif."



Pernah terfikir nak jadi saintis
Nasrudin Hassan, Ketua Dewan Pemuda Pas Malaysia

"SAYA mula mendapat pendedahan politik sejak berumur 14 tahun, iaitu pada 1984 dengan mendengar kaset ceramah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Tuan Guru Hj Abdul Hadi Awang. Saya mula menyertai Pas pada 1985 sewaktu saya berusia 15 tahun, sejarus selepas menduduki peperiksaan SRP dan peristiwa Memali di Kedah.

"Politik saya pelajari dan sertai ini ialah politik Islam, yang saya temui semasa belajar ilmu agama melalui Nik Aziz dan Abdul Hadi. Bagi saya, sentuhan agama yang diajar kedua-dua Tuan Guru ini sangat unik dan berbeza dari apa yang biasa saya dengar di surau dan masjid.

"Memang asalnya saya bercita-cita nak jadi saintis. Saya ambil aliran sains semasa di sekolah menengah. Tetapi ada beberapa peristiwa yang menimbulkan kesedaran mendalam mengenai urusan agama, lalu saya menyambung pelajaran ke pusat pengajian Pondok Haji Deraman (Madrasah Muhammadiyah Sungai Durian Kuala Krai, Kelantan) sebelum berpindah ke Madrasah Ad Diniyah Al Bakriah Pondok Pasir Tumbuh.

"Kemudian saya sambung pelajaran ke Maahad Fathul Islami, Damsyik, Syria sebelum ke Universiti Al-Azhar di Mesir."



Ikuti Perkembangan Anwar Sejak 21 Tahun
Rafizi Ramli, Pengarah Strategi PKR

"SAYA mula berkecimpung dalam bidang politik semasa menuntut di Kolej Melayu Kuala Kangsar dan aktif menyertai pertandingan debat.

"Masa tu, saya sering menang pelbagai anugerah dan memegang jawatan sebagai Ketua Pengarang *The Malay College Magazine* yang membawa cerita politik dan sebagainya. Pada masa itu, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dipecat daripada jawatannya.

"Sejak peristiwa itu, saya ditugaskan untuk mengikuti perkembangan beliau. Perjuangannya menegakkan keadilan ketika itu membuatkan saya minat untuk terus melibatkan diri dalam bidang politik walaupun cita-cita asal saya adalah untuk menjadi seorang pensyarah kerana saya suka mengajar.

"Pengaruh rakan-rakan amat besar terhadap penglibatan saya dalam politik walaupun pada suatu ketika dulu, keluarga tidak pernah memberi sokongan atas penglibatan saya dalam politik," katanya.